

Mahasiswa UMS-KAL perlu rebut peluang majukan diri

UB 23.10.2012 B2

LABUAN: Mahasiswa hendaklah bersungguh-sungguh, bercita-cita dan berusaha mencari peluang untuk memajukan diri selepas menamatkan pengajian di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UMS, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang berkata mahasiswa perlu melengkapkan diri dengan ilmu akademik untuk mencapai cita-cita tinggi mereka.

Katanya, mahasiswa yang berusaha gigih sahaja yang akan memperolehi kecemerlangan yang diimpikan dalam bidang akademik bukan sahaja untuk mendapatkan segulung ijazah tetapi juga berjaya dalam hidup.

"Saya berharap agar mahasiswa akan mendapat penghormatan dan pekerjaan yang baik bagi kesinambungan ilmu yang mereka pelajari sekaligus mempraktikkan dalam bidang pekerjaan kelak," katanya.

Beliau yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata demikian pada



Majlis Penghargaan Graduan (MPG) 2012 UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) di Hotel Palace, Kota Kinabalu, Sabtu lalu.

Pada majlis itu, pelajar program Kewangan Antarabangsa, Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Hong Kay Tze menerima Anugerah Emas berupa wang tunai sebanyak RM4,000 dan sijil penghargaan.

Pemenang Anugerah Perak diraih pelajar program Ekonomi Kewangan Antarabangsa, SPKAL, Ong Pui Khuan @ Mavis dan pemenang Anugerah Gangsa, Lim Yu Jin, pelajar programme-Dagang dari Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) yang masing-masing menerima RM3,000 dan RM2,000 serta sijil penghargaan.

Ketiga-tiga hadiah utama itu disumbangkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan



(Gambar atas) AHMAD (tiga dari kiri) menyampaikan Anugerah Emas kepada Hong Kay Tze sambil diperhatikan Shariff (empat kanan), Ismail (kiri) dan Ag Asri (kanan) Ong Pui Khuan (dua kiri) dan Lim Yu Jin (dua kanan).

(Gambar kiri) SHARIFF (empat kiri) dan Ahmad Hizzad (tiga kanan) bersama penaja utama MPG 2012.

(Gambar bawah) MAHASISWA SSIL bergambar bersama pensyarah selepas menerima anugerah.



Labuan (Labuan FSA) yang disampaikan oleh Ketua Pengarahnya, Ahmad Hizzad Baharuddin.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Madya Datuk Dr Kassim Md Mansur, Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, Dekan SPKAL, Prof Madya Dr Syed Nasirin Syed Zainul Abidin dan Dekan SSIL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim

yang juga Pengurus MPG 2012.

Turut hadir Hardy Mohd mewakili Petronas Chemical Methanol Labuan, Zulkifli Abdullah dari Labuan Shipyard and Engineering, Datuk Chin Chee Kee dari Noblehouse International Trust, Yussof Gumboris dari UMS Links Holdings, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Zawawi Tiyunin dan Timbalan Pendaftar

UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah.

Pada majlis itu, seramai 41 mahasiswa menerima anugerah yang disumbangkan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan, Labuan Shipyard and Engineering, Petronas Chemicals Methanol, Maybank International, TMF Trust Labuan and Noblehouse International Trust.

Turut menaja MPG 2012 ialah City Credit

Investment, Asli Jati, CIMB Bank, HMD Labuan, Akil Perdana Alliance, Bank Islam Labuan Offshore, UMS Link, Deutsche Bank dan E-Evergreen.

Shariff berkata, majlis itu diadakan sebagai tanda pengiktirafan bagi meraikan kejayaan mahasiswa yang telah berusaha sedaya upaya menamatkan tempoh pengajian mereka selama tiga tahun di UMS-KAL.

"MPG diadakan sebagai bukti keprihatinan UMS-KAL untuk bersama-sama meraikan kejayaan yang telah dicapai oleh mahasiswa," katanya.

Pada tahun ini, seramai 561 mahasiswa UMS-KAL yang merangkumi semua program daripada SPKAL dan SSIL menerima ijazah pada Majlis Konvokesyen UMS ke-14 di Dewan Canselor UMS.

Shariff berkata, Majlis Konvokesyen kali ini sangat bererti kerana telah 14 tahun UMS berkecimpung dalam menjana tenaga profesional yang mampu memacu ke arah pembangunan ekonomi negara.

Katanya, walaupun mereka bakal meninggalkan universiti ini, namun hubungan mahasiswa dan UMS tidak akan terhenti begitu sahaja kerana selepas majlis konvokesyen, mereka akan menjadi alumni universiti nanti.

Shariff berharap mahasiswa akan meneruskan tekad untuk mengejar kecemerlangan dan menjaga nama serta imej UMS tempat mereka menimba pelbagai ilmu akademik, kurikulum dan kemasyarakatan selama ini.



(Gambar atas) PENSYARAH SPKAL turut meraikan kejayaan pelajar mereka.

(Gambar bawah) PENERIMA Anugerah MPG 2012 bergambar bersama tetamu dan penaja utama.

